

UMS dapat geran FINAS

BH 09-09-2012 Y4

Kota Kinabalu: Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya memperoleh geran berjumlah RM60 ribu daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) untuk menghasilkan video dokumentari kehidupan suku kaum Bajau di Pulau Omadal, Semporna, Sabah.

Kejayaan SPS UMS dengan kerjasama North Borneo Media Sdn Bhd itu hasil pembentangan terbuka yang disertai semua penggiat dan produser filem di Sabah dan Sarawak bagi projek penerbitan doku-

mentari khas 'Eye On Borneo' anjuran FINAS.

Pensyarah Filem SPS yang juga Timbalan Dekan Hal-ehwal Pelajar dan Akademik UMS, Dr Zairul Anuar Md Dawam, berkata kejayaan itu diharap menjadi titik permulaan kepada UMS menceburi bidang penerbitan filem terutama filem dokumentari berdasarkan penyelidikan yang dijalankan.

Katanya, pembikinan dokumentari yang diusahakan bersama syarikat produksi tempatan itu membuktikan bahawa hasil penyelidikan yang dilakukan di UMS penting dan boleh dipelba-

gaikan bentuk penerbitannya seperti video dokumentari yang boleh disiarkan kepada masyarakat umum melalui rangkaian televisyen tempatan dan antarabangsa.

"Penyelidikan ini mempunyai nilai tinggi dalam penerbitan dokumentari terutama dari aspek penyediaan skrip yang memerlukan ketepatan

fakta dan sumber yang boleh dipercayai.

"Sebenarnya UMS kaya dengan pelbagai bahan penyelidikan, selain kajian etnik oleh pensyarah dan penyelidik SPS, kami juga mempunyai bidang penyelidikan utama seperti Marin, Akuakultur dan Biologi Tropika yang boleh dijadikan sebagai bahan kandungan kre-

Tenaga Krew Produksi membabitkan pensyarah dan pelajar SPS.



atif bagi menghasilkan penerbitan dokumentari yang baik," katanya.

Rahsia batu nesan

Menyentuh mengenai proses pembikinan, beliau yang juga pengarah dokumentari itu berkata, idea asal diperoleh daripada hasil penyelidikan peringkat sarjana pensyarah SPS, Mohd Azareen Aminullah yang mengkaji reka bentuk dan motif batu nesan di Pulau Omadal.

Katanya, berdasarkan penyelidikan itu, ternyata reka bentuk dan motif yang terdapat pada batu nesan atau dikenali dalam bahasa Bajau sebagai 'sunduk' itu mempunyai keunikan tersendiri yang harus dikongsi dengan masyarakat lain.

"Ukiran dan pembuatan sunduk itu sebenarnya menggambarkan kehidupan masyarakat Bajau yang sentiasa

mementingkan perhubungan dan ikatan persaudaraan bermula dari kehidupan sehingga seseorang itu telah meninggal dunia," katanya.

Dr Zairul Anuar berkata, menerusi pembikinan dokumentari itu, pelajar dapat menimba pengalaman kerja sebenar di lokasi penggambaran yang memerlukan mereka bekerja dalam sebuah kumpulan dan bersikap kreatif dalam menyelesaikan masalah produksi yang berlaku.

"Dokumentari ini adalah satu permulaan kepada kami untuk menimba pengalaman dalam menghasilkan penerbitan lain pada masa akan datang.

"Dengan sokongan pengurusan universiti, kami berhasrat untuk menubuhkan sebuah syarikat produksi yang menghasilkan rancangan televisyen secara komersial," katanya.